



JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008
PERDAGANGAN

3755/1

Kertas 1
Ogos/Sept.
1¼ jam

Satu jam lima belas minit


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*


Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

1 Gambar yang manakah berkaitan keperluan manusia?


A




C



B



D




2 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan kehendak manusia?

- A Membeli sebuah kereta mewah
- B Membeli rumah untuk diduduki
- C Mendapatkan pendidikan di sekolah berhampiran
- D Mendapatkan kasih sayang daripada rakan sebaya

3 Antara berikut, yang manakah pengeluaran langsung?


- I Mendapatkan bantuan pihak lain
 - II Mempunyai lebihan barang untuk dijual
 - III Menggunakan barang untuk keperluan sendiri
 - IV Mengeluarkan barang tanpa pengkhususan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4 Rajah menunjukkan faktor-faktor pengeluaran.




Gambar yang manakah faktor pengeluaran X?


A



C




B



D




- 5 Peta menunjukkan bandar-bandar yang terlibat dengan jenis pengkhususan.



Apakah jenis pengkhususan yang terlibat?

- A Pengkhususan mengikut profesion
 - B Pengkhususan mengikut kawasan
 - C Pengkhususan mengikut proses
 - D Pengkhususan antarabangsa
- 6 Berikut mengenai contoh perniagaan runcit besar-besaran.



Apakah jenis saluran agihan yang diperlukan oleh jenis perniagaan berkenaan?


- A Pengeluar → pemborong → ejen → peruncit → pengguna
 - B Pengeluar → pemborong → peruncit → pengguna
 - C Pengeluar → ejen → peruncit → pengguna
 - D Pengeluar → peruncit → pengguna
- 7 Apakah kelebihan francais kepada francais?
- A Menanggung kos promosi yang murah
 - B Memperolehi bayaran royalti
 - C Mendapat khidmat nasihat
 - D Menjual barang mengikut piawai

- 8 Apakah fungsi peruncit kecil-kecilan kepada pengguna?
A Menstabilkan harga barang
B Memberi kemudahan pengangkutan
C Memudahkan belian secara layan diri
D Menyediakan perkhidmatan lepas jualan
- 9 Syarikat Zaman Sdn. Bhd. membeli mesin pengering dengan harga RM1 500. Syarikat mendapat diskaun sebanyak 20%. Pada 2 Januari 2008, syarikat membuat pembayaran dan mendapat potongan sebanyak RM120 sebagai diskaun tunai. Kirakan kadar peratus diskaun tunai dan jumlah pembayaran yang dibuat oleh syarikat.

	Kadar Diskaun Tunai(%)	Jumlah Pembayaran
A	5	RM1 140
B	10	RM1 080
C	15	RM1 020
D	20	RM960


- 10 Apakah kelebihan kaedah jualan konsainan kepada peruncit?
A Mempunyai hak milik barang
B Mendapat komisen daripada jualan
C Menyediakan ruang barang yang kecil
D Mengenakan harga yang telah ditetapkan
- 11 Apakah dokumen antarabangsa yang digunakan sebagai bukti milikan barang?
A Bil Muatan
B Janji Carter
C Invois Profoma
D Nota Perkapalan

- 12 Gambar berikut berkaitan produk Industri Kecil dan Sederhana(IKS).



Apakah jenis industri yang berkaitan dengan keluaran tersebut?

- A Industri tekstil
 - B Industri perabot
 - C Industri petrokimia
 - D Industri kraf tangan
- 13 Antara berikut, yang manakah faktor yang perlu dipertimbangkan untuk memulakan perniagaan?
- I Sumber bekalan
 - II Jenis perniagaan
 - III Promosi barangan
 - IV Jangkaan pulangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 14 Berikut adalah maklumat tentang pemilikan perniagaan.



Berdasarkan rajah tersebut, mengapakah berlaku perubahan jenis milikan?

- A Membolehkan ahli menanggung liabiliti tidak terhad
- B Memudahkan pengumpulan modal yang lebih besar
- C Memudahkan pertukaran jawatan lembaga pengarah
- D Mengelakkan kawalan ahli ke atas perjalanan syarikat

- 15 Apakah kelebihan seorang peniaga milikan tunggal menukarkan perniagaannya kepada perkongsian?
- I Kepakaran dapat disebarakan
 - II Modal lebih besar
 - III Liabiliti terhad
 - IV Milikan kekal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 16 Pernyataan berikut berkaitan sejenis spekulator.

Membeli syer secara besar-besaran dengan harapan harga akan meningkat dan dapat menjualnya segera untuk mendapatkan untung.

Siapakah spekulator tersebut?

- A Stag
 - B Broker
 - C Penelah naik (bull)
 - D Penelah turun (bear)
- 17 Antara berikut, yang manakah pulangan yang dinikmati oleh pemegang saham.
- I Dividen
 - II Pendapatan semasa
 - III Faedah
 - IV Syer Bonus
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Halina mempunyai wang RM10 000. Beliau bercadang melaburkan wangnya ke satu bentuk pelaburan yang mempunyai risiko rendah dan bersifat mudah cair. Apakah jenis pelaburan yang sesuai?
- A Saham
 - B Komoditi
 - C Hartanah
 - D Simpanan Tetap

- 19 Apakah bank koperasi yang terdapat di Malaysia?
- A Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia
 - B Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
 - C Bank Simpanan Nasional
 - D Bank EON Berhad

- 20 Maklumat berikut berkaitan ciri sejenis akaun yang disediakan oleh bank perdagangan.

- Penyimpan perlu menyimpan wang sehingga tempoh matang
- Mempunyai risiko yang rendah dan bersifat cair
- Kadar nisbah keuntungan dipersetujui antara pelanggan dengan bank

Apakah akaun simpanan tersebut?

- A Akaun simpanan semasa
 - B Akaun simpanan
 - C Akaun pelaburan
 - D Akaun simpanan tetap
- 21 Pernyataan berikut mengenai Encik Ahmad.

Encik Ahmad mempunyai kilang tekstil di Batu Pahat. Beliau bercadang mengambil insurans untuk melindungi dirinya daripada tuntutan pekerja-pekerja yang mengalami kemalangan semasa bekerja di kilangnya

Apakah insurans yang perlu diambil oleh beliau?

- A Insurans kebakaran
 - B Insurans liabiliti am
 - C Insurans kemalangan
 - D Insurans liabiliti majikan
- 22 Apakah prinsip insurans yang perlu dipatuhi semasa mengisi borang cadangan?
- A Kepentingan boleh insurans
 - B Doktrin sebab hampiran
 - C Penuh percaya mutlak
 - D Indemniti

- 23 Antara yang berikut, yang manakah ciri kapal kargo ?
- I Tambang ditetapkan oleh persidangan perkapalan
 - II Jadual perjalanan disiarkan di akhbar
 - III Tambang boleh tawar menawar
 - IV Jadual belayar pada bila-bila masa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 24 Apakah kelebihan pengkontenaan?
- A Menjimatkan masa pemunggahan
 - B Membolehkan membuat kontena dengan kos yang murah
 - C Memudahkan penyimpanan semua jenis barang
 - D Menggunakan pelbagai jenis pengangkutan
- 25 Apakah faktor pemilihan jenis pengangkutan?
- A Pasaran yang luas
 - B Kesegeraan menghantar barang
 - C Jaminan keselamatan
 - D Saiz perniagaan
- 26 Penyataan berikut, yang manakah berkaitan peranan komunikasi?
- A Mempelbagaikan pilihan pengguna
 - B Menstabilkan harga barang
 - C Memudahkan kawalan perniagaan
 - D Mengalakkan pengeluaran berterusan
- 27 Antara perkhidmatan yang digunakan untuk mencetak nilai bayar pos pada mel?
- A Frangki
 - B Telefaks
 - C Datapos
 - D MAYPAC

28 Berikut adalah beberapa syarikat kurier.

Syarikat DHL
GD Ekspres
City Link Ekspres

Apakah kelebihan perkhidmatan tersebut?

- I Penghantaran yang dijamin selamat
 - II Kos yang dikenakan adalah murah
 - III Penggunaan meluas termasuk mel biasa
 - IV Cara pengendalian cekap
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

29 Antara yang berikut, yang manakah maklumat berkaitan dengan ciri gudang yang baik?

- I Menggunakan peralatan yang lengkap
 - II Mempunyai ruang yang luas
 - III Menggunakan hiasan yang kemas
 - IV Mempunyai peraturan yang lengkap
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

30 Apakah peranan pergudangan dalam perniagaan?

- A Menstabilkan harga barang
- B Memperluaskan pasaran
- B Menyebarkan teknologi moden
- D Mempercepatkan aktiviti perdagangan

31 Maklumat berikut berkaitan ciri sejenis gudang.

- Hak milik kerajaan
- Menyimpan barang yang dikenakan cukai

Apakah jenis gudang tersebut?

- A Gudang pemborong
- B Gudang pengilang
- C Gudang peruncit
- D Gudang berbon

32. Mengapakah peniaga mengiklankan barangan yang sudah dikenali ramai?
- A Mengatasi pesaing
 - B Menyampaikan maklumat
 - C Mengekalkan pasaran sedia ada
 - D Memujuk pembeli supaya membeli barang

33. Maklumat berikut berkaitan ciri sejenis promosi.

- Digunakan untuk menambah kuantiti jualan
- Mengalakkan jualan dalam tempoh yang singkat
- Menawarkan potongan harga, pameran dan cabutan bertuah

Apakah jenis promosi tersebut?

- A Promosi jualan
 - B Pengiklanan
 - C Jualan terus
 - D Publisiti
34. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan gaya pengiklanan pujukan moral?
- A Jauhkan diri dari dadah demi keluarga tercinta
 - B Gunakan bedak cap X agar kulit menjadi cerah
 - C Hulurkan bantuan untuk mangsa kebuluran banjir
 - D Jadikan amalan minum susu setiap hari supaya badan menjadi sihat
35. Antara berikut yang manakah faktor yang dipertimbangkan untuk memilih sesuatu media pengiklanan?
- I Dasar kerajaan
 - II Saiz perniagaan
 - III Kos pengiklanan
 - IV Suasana politik negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
36. Apakah akta yang melindungi pengguna daripada peniaga memberi maklumat palsu?
- A Akta Kawalan Harga 1946
 - B Akta Jualan Barangan 1957
 - C Akta Perihal Dagangan 1972
 - D Akta Timbang dan Sukat 1972

37 Maklumat berikut menerangkan peranan sebuah agensi kerajaan.

- Menyediakan pelbagai program latihan kepada peniaga
- Menyediakan kemudahan infrastruktur dan ruang niaga
- Menyediakan kemudahan pembiayaan kepada peniaga

Apakah agensi tersebut?

- A Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)
 B Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)
 C Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 D Uda Holdings Berhad (UDA)

38 Apakah tujuan Tribunal Tuntutan Pengguna ditubuhkan?

- A Memberi maklumat yang benar kepada pengguna melalui media cetak
 B Melaksanakan keadilan dalam urusan niaga barangan keperluan
 C Memastikan barangan yang dijual selamat digunakan
 D Memudahkan pengguna membuat tuntutan ganti rugi

Bagi soalan 39 dan 40, anda dikehendaki memilih jawapan seperti di dalam jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 39 I Kapal kerentan mempunyai jadual pelayaran yang boleh diubah.
 II Kapal kerentan harga tambangnya boleh tawar-menawar.
- 40 I Prinsip mudharabah mengamalkan pembahagian keuntungan dan kerugian sama rata.
 II Prinsip mudharabah melibatkan perkongsian antara pelanggan dengan bank.

KERTAS SOALAN TAMAT